

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 14/11/2016

Muka surat: 8

Tajuk : Pertandingan Perarakan Citrawarna UNIMAS meriah

## Pertandingan Perarakan Citrawarna UNIMAS meriah

### KOTA SAMARAHAN:

Pertandingan Perarakan Citrawarna sempena Festival Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-20 2016 berlangsung dengan penuh warna-warni dan meriah.

Perarakan Citrawarna itu turut menyaksikan penyertaan lapan kolej kediaman di UNIMAS iaitu Sakura, Kenanga, Refflessia, Bunga Raya, Kasturi, Cempaka, Tun Ahmad Zaidi dan Allamanda.

Selain itu, tiga sekolah menengah dari Samarahan

turut menyertai perarakan tersebut iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Abdul Razak, SMK Wira Penrissen dan SMK Muara Tuang.

Lebih 20 aktiviti menarik berlangsung sepanjang festival konvokesyen UNIMAS yang bermula dari 1 hingga 19 November ini.

Perasmian disempurnakan Pro Canselor UNIMAS Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang di Pentas Utama, Dataran Canselor, UNIMAS malam kelmarin.

Pertandingan perarakan itu

dimenangi Kolej Allamanda diikuti Bunga Raya dan Sakura manakala kategori sekolah pula dimenangi SMK Wira Penrissen diikuti SMK Tun Abdul Razak dan SMK Muara Tuang.

Johan, naib johan dan tempat ketiga masing-masing membawa pulang wang tunai RM2,000, RM1,500 dan RM1,000 berserta trofi dan hamper.

Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan tetamu kehormat lain.



**TAHNIAH:** Jabu ditemani Kadim merakam kenangan bersama pemenang Pertandingan Perarakan Citrawarna sempena Festival Konvokesyen UNIMAS Ke-20.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Canselor